



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

BANCI EKONOMI 2023 - STATISTIK MILIKAN BELIA

Pertubuhan milikan belia menjana RM80.7 bilion dalam output kasar merentasi 71.1 ribu pertubuhan pada tahun 2022.

PUTRAJAYA, 19 JUN 2025 – Pertubuhan milikan belia menjana RM80.7 bilion dalam output kasar merentasi 71.1 ribu pertubuhan pada tahun 2022. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini mengeluarkan **Statistik Milikan Belia**, berdasarkan Banci Ekonomi 2023, yang mengetengahkan prestasi pertubuhan milikan belia merentasi pelbagai sektor ekonomi. Statistik utama termasuk data berkaitan output kasar, nilai ditambah, input perantaraan, bilangan pekerja, gaji dan upah serta harta tetap di peringkat nasional dan negeri.

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan pertubuhan milikan belia pada tahun 2022, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, melaporkan bahawa sebanyak 71,112 pertubuhan milikan belia telah direkodkan, mewakili 6.5 peratus daripada jumlah keseluruhan pertubuhan perniagaan di Malaysia pada tahun tersebut. Pertubuhan ini secara kolektif telah mempunyai 374,843 pekerja dan membayar RM12.0 bilion dalam bentuk gaji dan upah. Di samping itu, mereka turut menjana RM80.7 bilion dalam output kasar, menyumbang RM44.8 bilion dalam nilai ditambah serta mencatat RM35.9 bilion dalam input perantaraan. Tambahan pula, pertubuhan milikan belia mempunyai harta tetap berjumlah RM32.2 bilion, sekali gus menggambarkan penglibatan keusahawanan belia dalam ekonomi yang semakin berkembang di landskap perniagaan negara.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, "Sektor Perkhidmatan mendominasi pertubuhan milikan belia, merangkumi 97.6 peratus atau 69,450 pertubuhan. Sektor ini juga menjana output kasar tertinggi (RM69.4 bilion), nilai ditambah (RM41.6 bilion), dan bilangan pekerja (350,698 orang). Sektor Pembuatan menyusul dengan 395 pertubuhan dan output kasar sebanyak RM9.0 bilion. Sektor Pertanian dan Pembinaan masing-masing mempunyai 507 dan

760 pertubuhan, menyumbang secara sederhana kepada output kasar dan bilangan pekerja.

Beliau menambah "Pertubuhan milikan belia membayar RM12.0 bilion gaji dan upah, merangkumi 3.4 peratus daripada jumlah, dengan sektor Perkhidmatan sekali lagi mendahului pada RM11.3 bilion pada tahun 2022. Jumlah nilai harta tetap yang dimiliki oleh usahawan belia berjumlah RM32.2 bilion, atau 1.6 peratus daripada jumlah harta tetap dalam ekonomi. Sebahagian daripada ini, sektor Perkhidmatan menyumbang 93.7 peratus dengan baki selebihnya disumbangkan oleh sektor Pembuatan, Pertanian dan Pembinaan."

Menghuraikan lebih lanjut mengenai penemuan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan tulang belakang kepada aktiviti pertubuhan milikan belia, dengan 69,990 PKS milikan belia mewakili 98.4 peratus daripada keseluruhan pertubuhan milikan belia. PKS ini menunjukkan impak ekonomi yang besar, menjana RM54.8 bilion dalam output kasar dan RM32.0 bilion dalam nilai ditambah di samping mempunyai 323,312 pekerja (86.3%). Bayaran gaji mereka berjumlah RM9.7 bilion, dan nilai harta tetap pada tahun 2022 sebanyak RM23.6 bilion, menunjukkan kematangan pertubuhan milikan belia yang semakin meningkat dan komitmen terhadap operasi jangka panjang.

Di peringkat negeri, Selangor mencatatkan bilangan pertubuhan tertinggi iaitu sebanyak 19,888 pertubuhan yang menyumbang 45.3 peratus daripada jumlah output kasar pertubuhan milikan belia. Negeri ini juga merekodkan bilangan pekerja tertinggi dengan 95,817 orang serta mencatat bayaran gaji dan upah tertinggi berjumlah RM4.1 bilion. Sementara itu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berada di tempat kedua dengan 9,649 pertubuhan (13.6%) dan output kasar sebanyak RM14.4 bilion (17.9%).

Majoriti pertubuhan milikan belia dimiliki oleh warganegara Malaysia (96.1%), dan pekerja lelaki mewakili 59.1 peratus daripada bilangan pekerja di pertubuhan milikan belia. Penemuan ini menunjukkan trend demografi dalam landskap usahawan belia dan kepentingan polisi inklusif terutamanya untuk mendorong penyertaan wanita yang lebih luas."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengakhiri kenyataannya, "Banci Ekonomi 2023 menggariskan sumbangan ekonomi yang semakin meningkat daripada pertubuhan milikan belia di Malaysia. Pertubuhan ini memainkan peranan yang penting, khususnya dalam sektor perkhidmatan, selain turut menembusi sektor Pembuatan, Pertanian dan Pembinaan. Penumpuan pertubuhan milikan belia di bandar dan negeri-negeri yang maju dari segi ekonomi, serta penglibatan dalam pelbagai

Embargo: Hanya untuk diterbitkan atau disebarakan pada jam 1200, Khamis, 19 Jun 2025

sektor, mencerminkan potensi besar untuk pertumbuhan berterusan. Menuju ke hadapan, sokongan dan intervensi dasar yang bersasar akan menjadi kunci untuk memanfaatkan potensi penuh usahawan belia sebagai pemacu inovasi dan pertumbuhan ekonomi."

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
19 JUN 2025


Embargo: Hanya untuk diterbitkan atau disebarikan pada jam 1200, Khamis, 19 Jun 2025

Paparan 1: Statistik Utama Pertubuhan Milikan Belia, 2022



Sumber: Banci Ekonomi 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Paparan 2: Pertubuhan Milikan Belia Mengikut Sektor, 2022



Nota: Tiada pertubuhan milikan belia yang beroperasi dalam sektor Perlombongan dan Pengkuarian.

Sumber: Banci Ekonomi 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)


Paparan 1: Statistik Utama Pertubuhan Milikan Belia, 2022

Jumlah Pertubuhan Milikan Belia Pertubuhan Bukan Milikan Belia



Sumber: Banci Ekonomi 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Paparan 2: Pertubuhan Milikan Belia Mengikut Sektor, 2022



Nota: Tiada pertubuhan milikan belia yang beroperasi dalam sektor Perlombongan dan Pengkuarian.

Sumber: Banci Ekonomi 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

ECONOMIC CENSUS 2023 - YOUTH-OWNED STATISTICS

Youth-owned establishments generated RM80.7 billion in gross output across 71.1 thousand establishments in 2022.

PUTRAJAYA, JUNE 19, 2025 – Malaysia’s youth-owned establishments generated RM80.7 billion in gross output across 71.1 thousand establishments in 2022. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) today released the **Youth-Owned Statistics**, based on the Economic Census 2023, which highlights the performance of youth-owned establishments across various economic sectors. Key statistics include data on gross output, value added, intermediate input, number of persons engaged, salaries and wages and fixed assets presented at both the national and state levels.

Commenting on the overall performance of youth-owned establishments in 2022, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, reported that 71,112 youth-owned establishments were recorded, representing 6.5 per cent of all business establishments in the country. These establishments collectively engaged 374,843 persons and paid out RM12.0 billion in salaries and wages. They also generated RM80.7 billion in gross output, contributed RM44.8 billion in value added, and recorded RM35.9 billion in intermediate input. In addition, they held RM32.2 billion in fixed assets, underscoring the expanding economic presence of youth entrepreneurship within Malaysia’s business landscape.

According to the Chief Statistician, “The Services sector dominated youth-owned establishments, accounting for 97.6 per cent or 69,450 establishments. This sector also contributed the highest gross output (RM69.4 billion), value added (RM41.6 billion), and number of persons engaged (350,698 persons). The Manufacturing sector followed with 395 establishments and a gross output of RM9.0 billion, while the Agriculture and Construction sectors recorded 507 and 760 establishments, respectively, contributing modestly to the overall gross output and number of persons engaged.

He added, “Youth-owned establishments paid RM12.0 billion in salaries and wages, representing 3.4 per cent of the total, with the Services sector again leading at RM11.3 billion in 2022. The total value of fixed assets owned by youth entrepreneurs stood at RM32.2 billion, or 1.6 per cent of total fixed assets in the economy. Of this, the Services sector accounted for 93.7 per cent, with the remainder contributed by the Manufacturing, Agriculture, and Construction sectors.”

Elaborating further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “Small and Medium Enterprises (SMEs) formed the backbone of youth-owned activity, with 69,990 youth-owned SMEs representing 98.4 per cent of all youth-owned establishments. These SMEs have a notable economic impact, generating RM54.8 billion in gross output and RM32.0 billion in value added, with 323,312 persons engaged (86.3%). Salaries and wages paid amounted to RM9.7 billion, while the value of fixed assets reached RM 23.6 billion in 2022, reflecting the growing maturity and long-term commitment of youth-owned establishments.

At the state level, Selangor recorded the highest number of establishments at 19,888, which accounted for 45.3 per cent of youth-owned gross output. The state also reported the highest number of persons engaged at 95,817, along with the highest total salaries and wages paid, amounting to RM4.1 billion. Meanwhile, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ranked second with 9,649 establishments (13.6%) and a gross output of RM14.4 billion (17.9%).

The majority of youth-owned establishments (96.1%) were owned by Malaysian citizens, and male employees made up 59.1 per cent of the total persons engaged. These findings offer valuable insight into the demographic trends within youth entrepreneurship and emphasise the need for inclusive policies, particularly to encourage greater participation among women.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin concluded, “The Economic Census 2023 highlights the increasing economic contribution of youth-owned establishments in Malaysia. These establishments play an important role, particularly in the Services sector, while also gaining ground in the Manufacturing, Agriculture, and Construction sectors. The concentration of youth-owned establishments in urban and economically advanced states, along with their growing diversity, signals potential for continued expansion. Moving forward, targeted support and policy interventions will be essential to fully harness the potential of youth entrepreneurship as a driver of innovation and economic growth.”

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Thursday, June 19th, 2025

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.


The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:


**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
19th JUNE 2025**

Exhibit 1: Main Statistics of Youth-owned Statistics, 2022



Source: Economic Census 2023, Department of Statistics Malaysia (DOSM)

Exhibit 2: Youth-Owned Establishments by Sector, 2022



Note: There were no youth-owned establishments operating in the Mining and Quarrying sector.

Source: Economic Census 2023, Department of Statistics Malaysia (DOSM)